

06/05/1999

Permohonan The Sun didengar hari ini

KUALA LUMPUR, Rabu - Mahkamah Tinggi di sini akan mendengar isu permulaan Sun Media Corporation terhadap saman malu Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung tuntutan RM100 juta terhadap penerbit akhbar The Sun itu, esok.

Hakim Datuk R K Nathan akan mendengar permohonan Sun Media Corporation sebagai defendan, pihaknya mempunyai perlindungan bersyarat berdasarkan peruntukan Seksyen 12 Akta Fitnah 1957.

Defendan sebelum ini memohon Saman Dalam Kamar didengar dulu bagi menyelesaikan isu-isu awal sebelum perbicaraan sepenuhnya bermula.

Anwar, pada 26 Februari lalu, memfailkan saman malunya terhadap Sun Media dengan menuntut ganti rugi RM100 juta kerana mendakwa Sun Media selaku penerbit dan pencetak akhbar The Sun, mengeluarkan satu artikel berniat jahat serta memfitnahnya.

Artikel bertajuk Anwar's Behaviour Desplicable itu disiarkan di halaman dua akhbar berkenaan pada 23 September 1998.

Artikel itu memetik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggambarkan pembabitan Anwar dalam perbuatan seks luar tabii dengan seorang lelaki lain.

Sun Media dalam pembelaannya menafikan perkataan yang diadukan dalam tuntutan Anwar membawa atau difahamkan membawa maksud Anwar seorang homoseksual yang bertentangan dengan aturan tabii.

Selain itu, defendan juga berkata perkataan yang diadukan diterbitkan atas satu keadaan perlindungan bersyarat.

Menurutnya, ia menjadi kewajipan defendan menerbitkan artikel berkenaan untuk pembacanya. Sun Media mendakwa artikel berkenaan melaporkan dengan tepat kenyataan Perdana Menteri dalam satu sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri pada 22 September 1998, yang turut dilaporkan akhbar kebangsaan lain.

Sementara itu, dalam afidavit Pengarah Sun Media, Tan Sri Abdul Rahim Din menyatakan keputusan mahkamah dalam isu permulaan terhadap pembelaan defendan, mungkin akan membawa kepada pelupusan kes secara keseluruhan.

(END)